

ديوان ايكونومي

DEWAN EKONOMI

Wadah Ekonomi Mutakhir

LAPORAN
KHAS

Menangani
Hutang
Pascapandemik

**Malaysia
Hab Halal
Dunia**

Vasia

**Mencipta Ruang
dan Peluang**

Dato' Azril Mohd. Radzi

Pengasas dan Pengarah Urusan
Aura One Resources (M) Sdn. Bhd.
(V'Asia Cosmetic & Healthcare)

Bil. 9 2020

Semenanjung Malaysia: RM6.50 | Sabah/Sarawak: RM7.00
Brunei Darussalam: B\$6.50 | Singapura: S\$6.50

KK 330-91227-0920
ISSN 0128-6620



9 770128 852133



KANDUNGAN

JILID 27 • BIL. 09 2020 / 1442H • KK 330 91227 0820 • ISSN 0128-8520

3	Komentor Pembaca	HOC 2.0 Bantu Rakyat Memiliki Rumah	Mohamad Rahmat Abdullah
4	Catatan kepada Pembaca	Gawat Psikologi	Abd. Kadir Mohd Ayub
5	Baca dan Fikir		
11-15	Rencana Utama	Cabaran Sebagai Hab Halal Antarabangsa	Hisyam Basabah
16-19	Bicara Kolumnis	Ekonomi Malaysia 2020 antara Prestasi Semasa dan Harapan	Zakariah Abdul Rashid
26-28	Ekonomi Dalam Negeri	Premis Perniagaan Wajib Kekal Selamat	Zulnaidi Yaacob
29-31	Ekonomi Dalam Negeri	Ayuh Malaysia, Bangkit Kembali!	Masrun Maslim dan Sharifah Mariam Syed Abu Bakar
32-38	Korporat	V'Asia Mencipta Ruang dan Peluang	Muhammad Mubarak Ismail
39-40	Tokoh Korporat	"Usaha Tangga Kejayaan" – Dato' Azril Mohd. Radzi	Muhammad Mubarak Ismail
41-43	Ekonomi Antarabangsa	Hubungan Ekonomi Malaysia-China Terus Kukuh	Zulfiqar Mohd Yusof
44-46	Ekonomi Antarabangsa	Risiko Boikot China Kepada India	Mohd Arif Juhani Abdul Rahman
48-51	Pemikiran	Bukan Norma Baharu, Tetapi Krisis	Zin Mahmud
54-56	Ekonomi Politik	Kestabilan Politik dan Kemasukan Syarikat Multinasional (MNC)	Jaymani Sevanathan
57-60	Inovasi	Silicon Valley Memacu Ekonomi Digital Malaysia	Noordin Zakaria
61-63	Usahawan	Umat Islam Harus Jadi Komuniti Usahawan	Muhammad Azli Shukri



RENCANA UTAMA
Malaysia Pusat
Makanan
Halal Dunia
 Noorsidi Aizuddin Mat Noor

6-10

LAPORAN KHAS

20-25
Menangani Hutang
PascaPandemik
 Fadillah Mansor



AYUH MALAYSIA, BANGKIT KEMBALI!



Pengumuman oleh Perdana Menteri Malaysia dalam perutusan sempena Hari Pekerja pada 1 Mei 2020 menyatakan negara kita kehilangan hasil berjumlah RM2.4 bilion sehari sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kajian oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) menjangkakan sebanyak 2.4 juta orang di negara ini akan hilang pekerjaan akibat wabak COVID-19, iaitu kira-kira 67 peratus daripada jumlah tersebut membabitkan pekerja tidak mahir dan kebanyakannya tidak mempunyai pendapatan tetap. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara juga dijangka akan menguncup sebanyak 3 peratus pada tahun ini akibat wabak yang melanda bukan sahaja di Malaysia, malah di seluruh dunia.

Sektor pelancongan dan perhotelan di antara yang paling terkesan dengan situasi ini dan mengalami kerugian berjuta ringgit. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Khazanah Nasional (KHAZANAH), Kumpulan Wang Awam Diperbadankan (KWAP) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) dianggarkan mengalami kerugian sekitar RM56 bilion sepanjang tempoh wabak ini berlaku. Statistik ini menunjukkan satu impak besar yang perlu dihadapi oleh negara kita akibat pandemik COVID-19. Namun begitu, yang pasti, krisis ekonomi ini tidak hanya berlaku di Malaysia, malah pada peringkat global, lantas menuntut keteguhan hati rakyat Malaysia untuk bangkit kembali bagi memulihkan negara daripada impak negatif angkara wabak ini.

Senario yang berlaku di negara ini melibatkan impak rantaian dalam ekosistem ekonomi memandangkan Malaysia merupakan negara perdagangan. Perintah berkurung yang berlaku di seantero dunia menyebabkan pasaran eksport dan import negara amat terkesan yang akhirnya menyebabkan jumlah cukai yang diterima kerajaan berkurangan. Oleh itu, dalam ekosistem percukaian, hasil negara akan bertambah sekiranya ekonomi berada dalam keadaan yang sangat stabil ditambah dengan kadar pematuhan cukai yang tinggi. Sekiranya hasil negara tinggi, kerajaan mempunyai dana mencukupi dan kemampuan untuk menjayakan agenda pembangunan negara sebagaimana yang dibentangkan dalam belanjawan pada setiap tahun. Hal ini termasuklah



dengan rang undang-undang tambahan yang melibatkan pakej bantuan sekiranya negara dilanda kemelesetan ekonomi atau menghadapi situasi di luar jangka seperti pandemik yang berlaku ketika ini.

Sebagai contoh, ketika PKP dilaksanakan pada pertengahan Mac lalu, kerajaan mengambil tindakan proaktif dengan menyalurkan peruntukan khas sebanyak RM500 juta kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi membiayai pembelian peralatan perubatan dalam usaha menangani impak wabak COVID-19. Kerajaan juga telah menyalurkan peruntukan RM100 juta khusus untuk melantik 2000 orang kakitangan baharu KKM secara kontrak. Hasilnya, KKM berjaya menangani impak penularan wabak tersebut sehingga tertubuhnya Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Risiko Rendah di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) yang serba moden dan inisiatif ini amat dibanggakan oleh rakyat Malaysia.

Mungkin banyak orang tidak sedar bahawa sebelum PKP bermula, perdana menteri telah bertindak pantas dengan menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) pada 11 Mac 2020 dan beliau turut mengarahkan Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk merangka pelan jangka pendek, sederhana dan panjang secara menyeluruh. Hasilnya, lahirlah pelan pakej rangsangan ekonomi jangka pendek yang dikenali sebagai Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

Menerusi pakej PRIHATIN dan PENJANA, negara menerima rangsangan ekonomi keseluruhannya berjumlah RM295 bilion khusus untuk menjamin kelestarian pertumbuhan ekonomi negara dalam mendepani kesan wabak COVID-19. Jumlah dana pakej tersebut yang merangkumi pelbagai inisiatif

termasuk suntikan fiskal kerajaan sangat hebat dan jauh meninggalkan jumlah pakej rangsangan ekonomi yang dilaksanakan ketika negara dilanda krisis kredit global pada tahun 2008.

Pakej rangsangan ekonomi tersebut sangat penting bagi membina semula motivasi rakyat yang rendah semasa tempoh PKP, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dilaksanakan. Tidak ramai yang cuba untuk menilai dan memahami tatacara kerajaan memperoleh sumber dana pendapatan dalam merencana serta melaksanakan pelan rangsangan ekonomi ini. Sememangnya negara kita kaya dengan dana pelaburan dan kedaulatan seperti yang diwujudkan oleh KWSP, KHAZANAH, PETRONAS dan Bank Negara Malaysia (BNM), namun hasil utama negara diperoleh daripada hasil cukai yang terbahagi kepada dua komponen, iaitu cukai langsung dan cukai tidak langsung. Dengan anggaran sumbangan cukai langsung dan cukai tidak langsung yang melebihi 60 peratus kepada belanjawan negara saban tahun, komponen hasil cukai ini terbukti mempunyai peranan yang amat penting untuk memastikan segala projek dan pakej pembangunan yang direncanakan mampu untuk dilaksanakan oleh kerajaan.

Sasaran dan jangkaan kutipan hasil negara begitu dinamik dan berubah setiap tahun bergantung pada keperluan dan situasi ekonomi dunia. Contoh terbaik adalah ketika negara kita sedang berperang dengan penularan wabak COVID-19 ini. Bagi tahun 2020, kerajaan telah menyasarkan jumlah kutipan cukai langsung hampir RM155 bilion yang dibuat berdasarkan unjuran harga minyak global sebanyak USD62 setong yang kini dilihat tidak lagi relevan kerana kejatuhan harga minyak di bawah paras USD30 setong akibat kesan buruk pandemik COVID-19. Malah telah dianggarkan negara akan kehilangan hasil sebanyak RM8.1 bilion kerana

kejatuhan harga minyak yang mendadak ini. Oleh sebab itu, kita boleh menilai betapa pentingnya hasil cukai buat negara bagi memastikan kelangsungan hidup rakyat dapat diteruskan dan kestabilan ekonomi negara dapat dipertahankan.

Hasil Cukai Daripada Rakyat kepada Rakyat

Menyedari kerumitan hidup yang dialami dalam tempoh penularan pandemik COVID-19 ini, kerajaan berusaha menyediakan pelbagai program bantuan kepada segenap lapisan rakyat. Sehubungan dengan itu, Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dan Geran Khas Prihatin (GKP) yang merupakan antara 10 inisiatif utama dalam Pakej PRIHATIN amat bertepatan dan dinantikan oleh rakyat. Menurut Menteri Kewangan, BPN telah memberikan manfaat kepada lebih 10 juta orang penerima yang layak di seluruh Malaysia dengan implikasi kewangan hampir RM11 bilion. Manakala GKP yang menyokong perniagaan kecil dan sederhana pula memberikan kelegaan kepada 544 632 peniaga dengan peruntukan belanja sebanyak RM1.634 bilion. Menerusi BPN dan GKP, rakyat terutamanya mereka yang tidak mempunyai pendapatan tetap dapat menikmati sedikit sebanyak nikmat hasil negara dalam bentuk bantuan tunai secara sekali sahaja berdasarkan kelayakan mereka.

Program ini belum mengambil kira bantuan yang diberikan kepada pemandu teksi, pemandu *e-hailing*, penjawat awam, pesara kerajaan dan elaun khusus yang diberikan kepada petugas barisan hadapan. Pada masa yang sama, segala perbelanjaan makan minum pelajar yang dikuarantin di universiti awam serta kebajikan anggota keselamatan juga ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan ketika PKP dilaksanakan. Satu fakta jelas yang perlu diketahui umum, kesemua inisiatif ini tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya tanpa hasil cukai yang stabil apabila Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) selaku agensi kutipan cukai langsung negara yang sentiasa menyusun strategi percukaian agar pembayar cukai yang terkesan akibat wabak COVID-19 ini dapat dibantu.

Ketika pelaksanaan PKP pada bulan Mac 2020 lalu, LHDNM telah bertindak pantas dengan membantu kerajaan menerusi pakej cukai antaranya dengan menangguhkan tarikh akhir pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) selama dua bulan dan menawarkan kaedah ansuran untuk melunaskan amaun cukai yang perlu dibayar. Pembayaran cukai pendapatan yang dibuat dalam tempoh penangguhan tarikh akhir pengemukaan BNCP tersebut juga tidak akan dikenakan sebarang kenaikan atau denda. Kesemua insentif percukaian ini boleh dirujuk melalui Soalan Lazim (FAQ) Percukaian di laman web



rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my. Strategi percukaian ini selaras dengan saranan OECD dalam Laporan *Tax and Fiscal Policy in Response to the Coronavirus Crisis: Strengthening Confidence and Resilience*, iaitu meningkatkan ketahanan dan keyakinan rakyat menerusi perancangan strategi percukaian berkesan.

LHDNM akan terus komited dalam usaha membantu negara menerusi aspek kutipan cukai langsung agar kerajaan dapat merangka perancangan dan membuat unjuran hasil pada masa hadapan berdasarkan amalan terbaik OECD dan persekitaran ekonomi negara. Walaupun negara telah memasuki fasa PKPP, rakyat perlu bekerjasama untuk mengekang penularan wabak ini agar tiada kluster baharu timbul lagi. Dalam usaha untuk bangkit kembali, rakyat perlu sentiasa mematuhi prosedur kesihatan yang ditetapkan dan mengekalkan penjarakan fizikal, manakala syarikat swasta terutama yang bertaraf multinasional serta Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) juga harus menyokong usaha kerajaan bagi memastikan peluang pekerjaan sentiasa wujud agar rakyat mempunyai pendapatan untuk dibelanjakan.

Bagi pembayar cukai yang sering kali mengelak untuk membayar cukai pendapatan walaupun telah mengaut keuntungan, mereka perlu menjalankan tanggungjawab sebagai warganegara Malaysia yang sebenar. "Kita jaga kita", satu sentimen yang harus diterapkan oleh kerajaan dalam menyatupadukan rakyat. Maka itu, ayuh rakyat Malaysia, kita bangkit bersama-sama agar semuanya mampu menjadi wira kepada negara. Memetik kembali kata-kata Perdana Menteri, "bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat" dalam satu daripada perutusannya, sudah tiba masanya seluruh rakyat bersatu untuk mendepani dua cabaran utama negara, iaitu kegawatan ekonomi dan wabak pandemik COVID-19!